

10 JUL 2003

Multaqa-Kuasa

PERKONGSIAN KUASA DI M'SIA DIBUAT SETELAH DAPAT PANDANGAN ULAMA

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan kepada ulama, cendekiawan dan pemikir Islam yang menghadiri Multaqa Ulama Sedunia di sini bahawa sistem perkongsian kuasa yang dijalankan di Malaysia dilaksanakan setelah mendapat pandangan dan pengesahan para ulama tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana multaqa itu Datuk Mohamed Nakhaie Ahmad berkata ulama-ulama di Malaysia telah memberi pengesahan bahawa politik perkongsian kuasa adalah dibenarkan dan memang sesuai dengan dasar-dasar dan ajaran Islam.

Menurutnya pada sesi dialog bersama peserta selepas merasmikan multaqa itu, Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa penggunaan mana-mana sistem atau hasil kerja serta pemikiran daripada tamadun lain termasuk Barat bukan sesuatu yang ditegah oleh Islam.

Dr Mahathir turut memberikan contoh bagaimana pelaksanaan demokrasi mengikut acuan Barat boleh diterima selagi iaa merupakan model yang boleh dilaksanakan dan memberi manfaat kepada masyarakat Islam, katanya pada sidang berita pada akhir hari pertama multaqa itu di sini.

"Jadi, kita boleh menerima sistem Barat jika sistem itu memang memberi keuntungan kepada kita, dapat menyelesaikan masalah kita.

"Pelaksanaan sistem demokrasi dalam negara kita jelas dapat menyelesaikan banyak masalah perbezaan yang ada dalam masyarakat kita dan kita boleh pilih pemimpin kita dalam keadaan bebas," kata Mohamed Nakhaie.

Beliau berkata multaqa hari pertama itu turut menekankan tentang pentingnya umat Islam mengamalkan ajaran Islam berdasarkan fundamental atau perkara asas, dan bukan berdasarkan tafsiran tertentu.

Mohamad Nakhaie yang juga Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) berkata Dr Mahathir turut menyentuh mengenai rahsia kemajuan Malaysia yang dicapai ekoran penekanan pendidikan yang sesuai dengan kehendak agama.

"Jadi penekanan keseluruhan banyak menyentuh tentang konsep pemahaman ketamadunan Islam, bukan ritual Islam," katanya.

Multaqa tiga hari anjuran Jabatan Perdana Menteri itu dihadiri kira-kira 900 ulama, cendekiawan dan pemikir Islam dari 33 negara termasuk Malaysia.

Antara ulama terkemuka yang menghadiri multaqa itu ialah Sheikh Al-Azhar Dr Mohammad Sayyid Tantawi dari Mesir, yang turut mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Ditanya mengenai pertemuan itu, Pengerusi Jawatankuasa Induk multaqa Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman memberitahu sidang berita yang sama bahawa kedua-dua tokoh itu membincangkan bagaimana memperkukuhkan kerja ke arah memberi kefahaman sebenar tentang Islam.

"Ini kerana sekarang ini kefahaman tentang agama kita telah diputar-belitkan. Jadi kedua-duanya (Dr Mahathir dan Dr Tantawi) bersetuju bahawa penerangan mengenai ajaran sebenar Islam hendaklah diperhebatkan," katanya.

Selain itu, beliau berkata umat Islam kini perlu kembali kepada asas-asas ajaran Islam dan bukan tafsiran tertentu yang boleh meruntuhkan ummah.

-- BERNAMA
MAM MAM NAK